

Genap 56 tahun Dr. Mahathir kelihatan muda

BUKIT FRASER, Ahad. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini genap usianya 56 tahun tetapi masih kelihatan sihat dan lebih muda.

"Dibandingkan dengan umur empat orang bekas Perdana Menteri yang dahulu jelas Datuk Seri Dr. Mahathir merupakan Perdana Menteri yang tertua menjawat jawatan tersebut.

Tuaniku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia yang pertama memegang jawatan tersebut ketika berumur 54 tahun, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussin, berumur 48 tahun dan Tun Hussein Onn ketika berumur 53 tahun.

Sebagai seorang Perdana Menteri yang masak dengan politik tanahair, Datuk Seri Dr. Mahathir berjaya "membedah" beberapa penyakit masyarakat dalam usahanya membangunkan Malaysia dan rakyatnya sebagai satu entiti bangsa dan negara yang maju dan berdikari.

Sebagai seorang Perdana Menteri yang mementingkan kema-

juan rakyat dan negara, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak pernah mengenal penat menganjurkan berbagai formula kemajuan.

Walaupun baru enam bulan beliau menjawat jawatan Perdana Menteri, beberapa kemajuan yang menggemparkan telah dilakukan dengan tegas.

Pengambilan-alih Syarikat Guthrie oleh Permodalan Nasional Berhad, pengenalan sistem kad penentu waktu, penyelarasan zon waktu yang sama dan beberapa formula untuk melahirkan Kerajaan yang kecil, cekap dan bersih berjaya dibuat satu demi satu.

Kesemuanya ini dilakukan semata-mata untuk kepentingan negara yang sedang menuju ke peringkat kemajuan pesat setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Tidak seperti Perdana Menteri yang lain, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mementingkan upacara besar-besaran untuk perayaan harijadinya yang ke 56, hari ini.